

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]

TARIKH : 21 Oktober 2015 (Rabu)

SOALAN :

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) bilakah Penubuhan Jawatankuasa Khas bagi mengkaji hak negeri Sabah untuk menerima 40 peratus daripada hasil bersih negeri Sabah yang dipungut oleh Kerajaan Persekutuan akan ditubuhkan; dan
- (b) siapakah yang bakal menjadi ahli-ahli Jawatankuasa Khas tersebut.

JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa mengambil berat tentang pembangunan di Sabah mahupun Sarawak. Malah semasa merasmikan pelancaran Bulan Kebangsaan dan Kempen Jalur Gemilang 2015 di Kuching pada bulan Ogos yang lalu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan bahawa lebih banyak **kuasa pentadbiran membabitkan jabatan dan agensi persekutuan bakal diberikan kepada kerajaan negeri Sabah dan Sarawak** dalam usaha merangsangkan pembangunan di kedua-dua negeri ini.

Mengenai penubuhan Jawatankuasa Khas tersebut, Kerajaan akan mengumumkan penubuhan Jawatankuasa tersebut apabila perkara-perkara berkaitan telah dikenalpasti.

Sekian, terima kasih.